

UNTUK SIARAN SEGERA



**JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**JPWPKL ZAHIRKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MURID
LEMAS, PUNCA KEJADIAN SEDANG DISIASAT PIHAK POLIS**

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga murid yang kematian kerana lemas sewaktu menyertai sebuah program luar baru-baru ini. Bantuan awal dan sokongan diberikan kepada keluarga.

Kes ini kini sedang berada dalam siasatan pihak polis. JPWPKL memberi kerjasama penuh kepada siasatan yang sedang berjalan. Pada masa sama siasatan dalaman turut dilaksanakan bagi meneliti aspek pematuhan prosedur operasi standard (SOP) penganjuran program.

Pasukan kaunselor dan Guru Bimbingan dan Kaunseling telah digerakkan untuk melaksanakan intervensi sokongan psikososial kepada murid, guru dan seluruh warga sekolah tersebut.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR
8 NOVEMBER 2025**